


KELUARAN KHAS PERUMAHAN DI MALAYSIA



INI adalah dua model rumah dua tingkat (kiri) dan pangsapuri lima tingkat (kanan) yang akan didirikan di Wangsa Melawati oleh Negara Properties.

WANGSA MELAWATI LENGKAP DENGAN TAMAN REKREASI

Oleh
Wartawan Utusan

MELAWATI yang terletak di pinggir ibu negara, terkenal sebagai salah sebuah kawasan perumahan yang berprestij dan mempunyai konsep 'kehidupan' menyeluruh.

Imej tersendiri kawasan perumahan itu sebenarnya dirancang khas oleh pemaju - pemaju kawasan tersebut terutamanya Negara Properties.

Wangsa Melawati, merupakan salah satu kawasan di Melawati yang semakin popular di kalangan pembeli - pembeli rumah.

Tidak lama lagi ia akan muncul dengan 241 unit rumah dua tingkat dan sebuah taman permainan 'yang lain daripada yang lain'.

Pengarah Urusan Negara Properties, Encik Wahab Maskan memberitahu, rumah - rumah yang akan dibina dalam kawasan seluas 4.0 hektar (11 ekar) itu akan dilengkapi dengan sebuah taman rekreasi seluas 1 hektar (2.5 ekar).

Beliau yang ditemui di pejabatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini berkata, antara kemudahan yang terdapat di taman rekreasi tersebut ialah trek berjogging, alat-alat bersenam dan permainan kanak-kanak.

"Pendaftaran untuk membeli rumah - rumah berkenaan yang mempunyai lima reka bentuk sudah dimulakan"

"Taman yang akan kami bina ini adalah unik bagi sesuatu kawasan perumahan yang sederhana luas dan kami juga akan mengindahkan taman ini dengan tumbuh - tumbuhan hijau dan pokok - pokok bunga. Ini kerana kami hendak memberikan sesuatu yang terbaik kepada para pembeli," katanya.

Encik Wahab memberitahu, rumah - rumah di kawasan itu dijangka dapat dijual dengan harga tidak melebihi \$130,000.

Pendaftaran untuk membeli rumah - rumah berkenaan yang mempunyai lima reka bentuk sudah dimulakan.

Pelancaran untuk memperkenalkan rumah - rumah berkenaan akan dibuat pada bulan Julai ini.

Menurut beliau, Wangsa Melawati sehingga kini mempunyai

"Kehidupan di Melawati ini akan memberi kesegaran dan ketenangan kepada penduduk"

2,100 unit rumah termasuk banglow dan pangsapuri.

Katanya, Wangsa Melawati yang sudah dimajukan sebanyak 65 peratus akan terus dimajukan di masa - masa akan datang diikuti dengan kawasan Taman Melawati dan Desa Melawati.

Beliau berkata, ketiga - tiga kawasan tersebut yang seluas 526 hektar (1,300 ekar) adalah kepunyaan Negara Properties dan dikenali sebagai Bandar Baru 'Suburb' Kuala Lumpur.

Menurut beliau, Taman Melawati sudah dimajukan sebanyak 60 peratus dengan 7,000 unit rumah dan Desa Melawati pula mempunyai 3,200 unit rumah.

Sementara itu, Ketua Unit Perancangan dan Pembangunan, Negara Properties, Encik Fauzi Muda pula berkata, ramai para pembeli lebih gemar membeli rumah di Melawati bukan hanya kerana identitinya malah kerana beberapa faktor lain yang jarang - jarang dapat dinikmati di kawasan perumahan lain.

Katanya, lebih kurang 35,000 penduduk telah memilih unjuk tinggal di situ dan pemilihan mereka itu berdasarkan kepada beberapa faktor utama termasuk tanah milik kekal berbanding dengan tanah pajakan yang hanya dapat dimiliki untuk 99 tahun.

Menurut beliau, satu lagi faktor yang menarik pembeli untuk menjadi penduduk kekal kawasan itu adalah kerana alam sekitarnya yang semula jadi lagi indah di mana ia diselubungi dengan tanaman - tanaman hijau termasuk bukit bukau serta bukit batu kuartz.

"Kehidupan di Melawati ini akan memberi kesegaran dan ketenangan kepada para penduduk di sini kerana ia terletak di luar pusat bandar Kuala Lumpur dan lebih - lebih lagi ia tidak mempunyai sebarang kilang yang menyebabkan pencemaran," katanya.

Menurutnya, Melawati yang juga terkenal dengan Zoo Negara, tidak lama lagi akan terkenal dengan kelab golf, pasaraya - pasaraya, bangunan - bangunan pejabat, pusat makanan segera dan lain - lain lagi.